

C. Pilih jawapan yang betul.

1. A Mereka duduk-duduk di situ sambil minum teh hingga larut malam.
B Abang sedang membincangkan tentang masalah kewangan keluarganya.
C Saya benar-benar tidak faham pengajaran yang disampaikan oleh beliau.
D Saya akan mencuba selesaikan masalah awak yang rumit itu.
2. A Saya memang benar-benar kenal budak yang awak maksudkan itu.
B Memasak ialah kegemaran anak bongsu saya pada masa lapang.
C Mangsa kebakaran itu tidur berbantalkan dengan lengan sahaja.
D Sharif sekeluarga mengajak ke rumahnya pada hari raya ini.
3. A Beliau demam dan tidak hadir majlis itu semalam kerana kehujaan.
B Cikgu Raihana mengajarkan bahasa Melayu di kelas kami dengan tekun sekali.
C Ibu bapa harus mengajar anak-anak agar berdikari sejak dia kecil lagi.
D Kakak memasuki bilik tidurnya lalu tutup pintu dengan perlahan sekali.
4. A Guru sering bertanya tentang masalah pelajaran yang mungkin kami hadapi.
B Budaya balik kampung masih kuat rakyat Malaysia amalkan pada musim perayaan.
C Nazrul mengirim surat kepada ibunya pada setiap bulan sejak setahun yang lalu.
D Mereka bersiar-siar di tepi pantai yang bersih itu untuk tenang fikiran.
5. A Perjalanan ke rumahnya agak sukar dan perlulah berpandukan pada peta ini.
B Oleh sebab keracunan, dia asyik muntah-muntah tanpa henti-henti sejak semalam.
C Kami sebenarnya sudah mengetahui akan kejayaannya dalam pelajaran.
D Awak mesti datang ke majlis itu pada petang ini jika hujan tidak turun.
6. A Emak meminta kakak memperlakan kereta yang dipandunya.
B Ayah bercadang untuk memperluaskan rumah sebelum perkahwinan kakak.
C Kehadiran beliau ke majlis itu disambut dengan paluan kompang oleh kami.
D Doktor tetap akan menjalani pembedahan segera terhadap pesakit itu.
7. A Bantuan hari raya akan wakil rakyat itu sampaikan kepada penduduk kampung.
B Akan saya ceritakan pengalaman berharga itu kepada generasi muda di seluruh kampung.
C Patik berharap agar baginda sudi mencemar duli ke majlis perasmian itu.
D Kami amat menyayangi negara ini dan sanggup berkorban apa-apa sahaja deminya.
8. A Beliau suka akan bergurau dengan kawan-kawan sepejabatnya.
B Saya suka akan makanan itu kerana rasanya lazat dan harganya berpatutan.
C Tiap hari kami akan berdoa kepada-Nya agar keselamatan terjamin.
D Beberapa orang pelajar kelihatan bergentayangan di pasar raya itu.
9. A Emak memasak nasi untuk hidangan tengah hari untuk kami sekeluarga.
B Kuih itu dikukus selama satu setengah jam sebelum dijual di tepi jalan itu.
C Bangunan itu mereka mengecat semula dengan cara bergotong-royong semalam.
D Di manakah mereka tinggal setelah berhijrah dari kampung ini?

10. **A** Boleh saya tahu apakah nama budak baharu di kelas ini?
B Berikan bungkus ini kepada dia apabila kamu bertemu nanti.
C Jangan memijak rumput ini kerana baru sahaja ditanam olehnya.
D Tolong bawa pinggan ini ke dapur dan basuh hingga bersih.

D. Pilih ayat atau ayat-ayat yang paling sesuai.

1. **I** Mereka berbual-bual sambil minum di situ bersama-sama.
II Adik disuruh minum susu oleh ibu agar tulangnya terjadi kuat.
III Kami tidak sedar akan kejadian semalam yang menimpa dirinya.
IV Saya akan mencuba meringankan masalah engkau itu esok.
A I dan III **B** I, III dan IV **C** II, III dan IV **D** I, II dan IV
2. **I** Merekalah yang menghadiri akan majlis perasmian itu.
II Emak menghadiahkan adik sebuah novel kegemarannya.
III Ayah akan mencantas dahan-dahan pokok itu pada setiap tahun.
IV Siti akan bersarapan pagi sebelum pergi ke sekolah dengan bas.
A III sahaja **B** I dan II sahaja **C** II dan III **D** I, III dan IV
3. **I** Raihana suka bertanya tentang kesihatan neneknya di kampung.
II Nenek sering menceritakan tentang pengalaman semasa mudanya.
III Jangan memijak rumput di kawasan ini supaya ia dapat tumbuh dengan subur.
IV Ayah disaman polis semalam kerana memandu dengan lajunya.
A I dan II **B** III dan IV **C** I dan III **D** I dan IV
4. **I** Oleh sebab hujan, kami tidak dapat teruskan perjalanan ke sekolah.
II Mereka sudah tahu akan kesulitan yang saya hadapi selama ini.
III Perjuangan beliau selama ini berprinsipkan kepada keadilan sejagat.
IV Baju yang sudah kering itu sudah diangkat tetapi belum berlipat.
A II dan III **B** II dan IV **C** I, III dan IV **D** I, II dan III
5. **I** Pertandingan itu terpaksa ditangguhkan apabila hujan sudah turun.
II Kamu perlu memperhalus kerja tangan ini agar lebih berkualiti.
III Pemuda itu disiasat polis atas tuduhan melakukan jenayah.
IV Emak membancuh secawan kopi pekat untuk hidangan tetamu.
A II dan III **B** II, III dan IV **C** I, II dan IV **D** I, II, III dan IV
6. **I** Masihkah ada lagi manusia tinggal dalam gua pada masa sekarang?
II Kraftangan berasaskan tembikar yang dihasilkannya sungguh popular.
III Lagu ciptaan dia berdasarkan alam sekitar di sekelilingnya.
IV Rakyat di negara itu menderita kerana peperangan dan kemarau.
A II, III **B** I, III dan IV **C** II dan IV **D** I dan III